

PERATURAN AM

TABUNG KHAI RAT MASJID BANDAR UNIVERSITI



**TABUNG
KHAI RAT**

MASJID BANDAR UNIVERSITI
SERI ISKANDAR PERAK

KEAHLIAN

**Dibuka kepada warga negara Malaysia
dikalangan ahli kariah Masjid Bandar
Universiti berumur 18 tahun ke atas**

PENDAFTARAN KEAHLIAN

**Setiap individu yang ingin menjadi ahli
perlu membuat pendaftaran secara
online melalui sistem E-Khairat dengan
bayaran pendaftaran sebanyak RM 30**

YURAN TAHUNAN

**Setiap ahli dikehendaki menjelaskan
bayaran sebanyak RM 60 setahun**

**Bayaran hendaklah dijelaskan sebelum
31 Mac pada setiap tahun**

**Bayaran hanya boleh dilakukan secara
online melalui sistem E-Khairat**

STATUS KEAHLIAN

Ahli yang berpindah ke tempat lain masih menjadi ahli sekiranya yuran dijelaskan mengikut kaedah yang telah dipersetujui

Segala peruntukan di dalam peraturan am Tabung Khairat Masjid Bandar Universiti masih berkuatkuasa ke atasnya

Sekiranya ahli meninggal dunia, pasangan hendaklah mendaftar semula di dalam sistem E-Khairat tanpa perlu membayar yuran pendaftaran

PENGGUGURAN STATUS KEAHLIAN

Setiap ahli akan gugur keahlian sekiranya gagal menjelaskan yuran sebelum 1 Mei pada setiap tahun

PENERIMAAN SEMULA KEAHLIAN

Seseorang ahli yang telah gugur keahlian boleh memohon semula menjadi ahli dengan membuat bayaran pendaftaran sebanyak RM 30

TEMPOH MATANG KEAHLIAN

Setiap ahli yang mendaftar perlu menunggu tempoh matang iaitu selama 3 bulan dari tarikh pendaftaran

Sekiranya berlaku apa-apa kematian melibatkan individu yang disenaraikan di dalam peraturan am dalam tempoh tersebut, ahli tersebut hanya layak mendapat sumbangan ihsan yang jumlahnya akan ditentukan hasil perbincangan di antara Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari

KRITERIA SUMBANGAN

**Sumbangan akan diberikan kepada ahli
sekiranya berlaku kematian salah
seorang daripada berikut :**

JUMLAH SUMBANGAN RM 1,200

Kematian ahli / suami / isteri

**Kematian anak yang masih belum
berkahwin. Kriteria anak ialah anak
kandung / anak angkat yang diambil
sebagai anak kandung serta mempunyai
surat pendaftaran JPN yang sah / anak
tiri yang tinggal bersama ahli**

**Kelayakan status bagi anak kandung /
anak tiri / anak angkat akan gugur
apabila mereka telah berkahwin
walaupun masih tinggal bersama ahli**

**JUMLAH
SUMBANGAN RM 500**

**Kematian anak dalam kandungan
6 bulan ke atas**

**JUMLAH
SUMBANGAN RM 200**

**Kematian ibu / bapa / ibu mertua /
bapa mertua**

STATUS SUMBANGAN

Kematian melebihi seorang di dalam satu masa seperti kemalangan / kebakaran / bencana alam, sumbangan dikira satu mengikut turutan paling atas

Kriteria yang selain daripada di atas akan ditentukan hasil perbincangan di antara Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari sama ada sumbangan perlu disalurkan atau sebaliknya

Begitu juga sumbangan ihsan akan ditentukan jumlahnya melalui perbincangan yang sama

Jumlah sumbangan akan mengambil kira jumlah dana semasa

SEBARANG PERTANYAAN

HUBUNGI : 017-336 0390

**HJ AZAHARI BIN HJ MOHAMAD ALI
BENDAHARI TABUNG KHAIRAT
MASJID BANDAR UNIVERSITI**



**MASJID BANDAR UNIVERSITI
SERI ISKANDAR PERAK**